

# BAB KELIMA

## BAB KELIMA

### PERANAN UNDANG-UNDANG SERTA BADAN KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN TERHADAP PERMASALAHAN PENGANIAYAAN ISTERI

#### Pendahuluan

Penganiayaan isteri merupakan konflik yang perlu kepada bantuan dalam bentuk penguatkuasaan undang-undang. Penggunaan undang-undang adalah satu bentuk langkah penyelesaian di samping usaha pendidikan dan pencegahan. Ia boleh menjadi alternatif untuk melegakan isteri teraniaya dan juga sebagai hukuman peringatan terhadap orang yang melakukan perbuatan ganas.

Menurut Phil Harris, undang-undang dan kerajaan berperanan menangani konflik seperti penganiayaan isteri atau keganasan rumah tangga ini dengan menggunakan undang-undang dan pembuatan polisi<sup>1</sup>.

Rohani Abdul Rahim juga mempunyai pendapat yang hampir sama dengan Harris. Beliau mengatakan bahawa secara amnya, konflik boleh diselesaikan menggunakan perundangan, pembuatan polisi baru, perbincangan politik, keputusan hakim dan timbangtara<sup>2</sup>. Kedua-dua pendapat ini menekankan bahawa keganasan

<sup>1</sup> Phil Harris (1984), *An Introduction to Law* (ed.2). London: Weidenfeld Ltd., h. 26.

<sup>2</sup> Rohani Abdul Rahim(1995), "Konflik Keluarga: Punca dan Penyelesaian Menurut Perspektif Sosio-Perundangan" dalam *Makalah Undang-Undang-Memori 10 Tahun Fakulti Undang-Undang UKM*. Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM, h. 172.

rumahtangga memerlukan kepada penyelesaian dengan menggunakan undang-undang.

Di Malaysia terdapat beberapa statut dalam bentuk akta dan enakmen yang diperuntukkan berkaitan dengan keganasan rumahtangga. Akta Keganasan Rumahtangga 1996 merupakan satu-satunya undang-undang yang digubal khas berkaitan permasalahan keganasan rumahtangga.

### **5.1 Akta Keganasan Rumahtangga 1994**

Akta Keganasan Rumahtangga telah diluluskan oleh Parlimen pada 24 Jun 1994. Namun, penguatkuasaannya hanya bermula pada bulan Jun 1996. Walaupun terdapat berbagai-bagai pendapat berkenaan Akta ini, ia telah berjaya menyelesaikan sebahagian kes-kes keganasan rumahtangga. Menurut Datin Paduka Zaleha Ismail, sebanyak 532 daripada 800 kes keganasan rumahtangga berjaya diselesaikan dalam tempoh lima bulan pertama tahun 1998 menggunakan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Keganasan Rumahtangga 1994<sup>3</sup>.

Akta ini mengandungi lima bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada permulaan dan beberapa definisi terma yang digunakan di dalam akta. Seksyen 3 memperuntukkan bahawa peruntukan dalam akta ini tidak menjaskan peruntukan

---

<sup>3</sup> "532 Kes Rumahtangga Selesai", Utusan Malaysia, 10 Ogos 1998.

dalam Kanun Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis berkaitan kesalahan individu atau harta.

Bahagian Kedua mengandungi peruntukan berkenaan perintah perlindungan. Bahagian ketiga pula mengandungi peruntukan tentang pampasan dan kaunseling. Seterusnya bahagian keempat berkenaan perkara-perkara prosedur tentang perintah perlindungan. Manakala bahagian kelima mengandungi peruntukan berkenaan pelbagai perkara.

Namun Akta Keganasan Rumahtangga dikatakan mempunyai banyak kelemahan. Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan yang banyak membuat desakan hingga tergubalnya akta ini agak kecewa dengan sebahagian peruntukan yang terdapat dalam akta ini. Mereka mempersoalkan keberkesanan dan peruntukan berkaitan remidi. Perkara pertama yang ditimbulkan ialah akta ini memberi maksud bahawa keganasan rumahtangga bukan perbuatan jenayah<sup>4</sup>.

Di bawah Akta Keganasan Rumahtangga, keganasan rumahtangga tidak secara spesifik didefinisikan sebagai jenayah tetapi ia termasuk diantara pelbagai jenayah yang boleh didapati daripada peruntukan di bawah Kanun Keseksaan. Dalam seksyen 2 Akta Keganasan Rumahtangga, perbuatan keganasan rumahtangga tidak dicatatkan sebagai jenayah khusus dengan penalti baru dan prosedur penguatkuasaan yang jelas dan bersungguh-sungguh. Perkara ini menyebabkan kuasa dan

<sup>4</sup> Nor Aini Abdullah (1996), *Domestic Violence Act: The Malaysian Perspective*. Kuala Lumpur: Faculty of Law, July 10-13 1996, h. 6.

campurtangan polis kurang efektif kerana dalam kebanyakan kes keganasan rumahtangga ia dianggap masalah peribadi dan pihak berkuasa lebih cenderung untuk kurang campurtangan<sup>5</sup>.

Dalam Akta Keganasan Rumahtangga juga, semua perbuatan mendera hanya akan dianggap sebagai jenayah jika ia termasuk di bawah mana-mana kesalahan menurut peruntukan Kanun Keseksaan. Contohnya kes-kes yang melibatkan serangan. Pihak polis pula terikat dengan Kanun Prosedur Jenayah yang mengendalikan perkara dengan melihat asal kesalahan dan mengkategorikannya sebagai kesalahan *seizable* (kesalahan boleh tangkap) atau *non-seizable* (kesalahan tidak boleh tangkap). Di bawah Kanun Prosedur Jenayah, polis hanya tertakluk untuk menyiasat kesalahan-kesalahan *seizable* sahaja kecuali terdapat arahan daripada pendakwaraya untuk berbuat demikian<sup>6</sup>.

Perkara kedua ialah berkenaan perintah perlindungan. Perintah perlindungan hanya boleh didapati jika ada prosiding melibatkan aduan tentang keganasan rumahtangga. Contohnya, jika tertuduh didakwa kerana perbuatan jenayah yang dilakukan dalam keadaan yang termasuk dalam definisi keganasan rumahtangga.

Peruntukan ini memburukkan suasana kerana ia boleh menafikan pilihan wanita untuk mempertahankan diri tanpa menyebabkan suami dipenjara. Jadi, untuk

---

<sup>5</sup> Ibid., h. 7-8.

<sup>6</sup> Mimi Kamariah Abdul Majid (1987), *Criminal Procedure in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 59.

membolehkan perintah perlindungan mencapai maksud ialah dengan tidak membenarkan perintah perlindungan bergantung kepada mana-mana prosiding jenayah atau sehingga siasatan terhadap kesalahan keganasan rumahtangga selesai.

Perkara ketiga pula ialah berkenaan siapa yang sepatutnya disingkirkan dari rumah. Akta ini memperuntukkan bahawa perintah penyingkiran pendera mungkin ditarik balik jika “tempat tinggal sementara” yang sesuai ada untuk mangsa yang ingin dilindungi<sup>7</sup>. Kediaman alternatif ditafsirkan di dalam Akta ini sebagai premis atau tempat tinggal mangsa yang mangsa itu terpaksa atau telah terpaksa mencari atau pindah masuk akibat daripada keganasan rumahtangga<sup>8</sup>.

Peruntukan ini menampakkan tujuan untuk menyediakan perlindungan kepada mangsa telah terseleweng. Sepatutnya orang yang bersalah dihukum atau diperintah keluar dari kediaman yang dikongsi dengan mangsa. Tetapi di sini, pesalah terus bersenang lenang di rumah sementara mangsa yang terpaksa keluar dari rumah sekalipun dia juga berhak ke atas rumah berkenaan.

Walau apa pun, menurut pendapat Nor Aini Abdullah<sup>9</sup>, Akta ini dapat membantu keadaan hidup mangsa jika ia dilaksanakan secara objektif oleh pihak-pihak berkenaan terutamanya pihak polis dan sistem perundangan. Secara keseluruhan, apa pun pendapat tentang Akta ini, satu perkara yang perlu diakui ialah

<sup>7</sup> Seksyen 6(1)(a), 6(1)(f), 6(3), 6(4) Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

<sup>8</sup> Seksyen 2 Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

<sup>9</sup> Nor Aini Abdullah (1996), “Domestic Violence Act 1994: An End to A Nightmare?”, op.cit., h. xliv.

ia merupakan salah satu pilihan atau jalan keluar bagi membantu mangsa keganasan rumahtangga.

## **5.2 Peruntukan Berkaitan Penganiayaan Isteri Di Dalam Undang-Undang Lain**

Sebelum Akta Keganasan Rumahtangga dikuatkuasakan pada 1996, beberapa peruntukan undang-undang boleh melindungi wanita yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga. Undang-undang tersebut boleh dilihat daripada dua aspek iaitu dalam bentuk sivil dan jenayah.

Undang-Undang yang berbentuk sivil ialah Undang-Undang Keluarga yang mengandungi Akta Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri dan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976), Akta Perempuan Bersuami 1957(pindaan 1990 dan 1994) dan Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973. Manakala undang-undang berbentuk jenayah ialah Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah.

### **5.2.1 Akta Undang-Undang Keluarga Islam**

Di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, terdapat satu seksyen yang memperuntukkan hukuman terhadap orang yang melakukan keganasan rumahtangga di bawah bahagian penalti atau kesalahan-kesalahan. Seksyen

berkenaan diberikan tajuk sama ada menganiaya isteri<sup>10</sup>, menganiayai isteri<sup>11</sup>, atau menganiaya isteri atau suami<sup>12</sup>.

Kesemua negeri menetapkan hukuman denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan<sup>13</sup>, kecuali negeri Kedah yang memperuntukkan hukuman jika sabit kesalahan ialah denda maksimum tiga ratus ringgit dan penjara tidak lebih daripada dua bulan atau kedua-duanya sekali<sup>14</sup>.

Dalam peruntukan menganiayai isteri ini, Enakmen Keluarga Islam Negeri Johor turut memasukkan perbuatan mengambil harta isteri secara tidak sah sebagai penganiayaan terhadap isteri. Maka mahkamah diberi kuasa memerintahkan suami atau isteri mengembalikan semula harta atau nilai yang telah ditipu atau diperolehi secara tidak sah kepada suami atau isteri<sup>15</sup>.

Negeri-negeri lain<sup>16</sup> juga mempunyai peruntukan yang sama tetapi mengasingkannya dalam seksyen lain. Ini bermakna Enakmen-Enakmen Keluarga Islam selain negeri Johor tidak mengira perbuatan melesapkan harta isteri sebagai sebahagian daripada penganiayaan tehadap isteri. Walau bagaimanapun ia tetap

<sup>10</sup> Seksyen 109, Enakmen Keluarga Islam Melaka 1983.

<sup>11</sup> Seksyen 113, Enakmen Keluarga Islam Kedah 1984, Seksyen 108, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

<sup>12</sup> Seksyen 126, Enakmen Keluarga Islam Johor 1990.

<sup>13</sup> Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

<sup>14</sup> Seksyen 113 Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1984.

<sup>15</sup> Sesyen 126 Enakmen Keluarga Islam Johor 1990.

<sup>16</sup> Semua negeri kecuali negeri Johor.

dianggap satu kesalahan yang jika disabitkan, boleh didenda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali<sup>17</sup>.

Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, masalah yang melibatkan keganasan rumahtangga juga diberi remedii. Langkah pencegahan pertama ialah semasa kontrak perkahwinan dilakukan dimana adanya lafaz taklik. Taklik dilafazkan sebaik sahaja akad selesai dijalankan.

Di dalam lafaz taklik ada disebutkan jika suami memudharatkan tubuh badan isteri, maka isteri boleh mengemukakannya sebagai alasan untuk membuat tuntutan cerai kepada pihak mahkamah. Taklik boleh disifatkan sebagai peringatan kepada para suami agar tidak mengambil mudah terhadap setiap perbuatan dan merupakan satu bentuk perlindungan kepada para isteri.

Empat perkara yang disebutkan dalam taklik perkahwinan yang membolehkan isteri memohon perceraian selain memudharatkan tubuh badan isteri, ialah jika suami meninggalkannya selama empat bulan (hijrah) atau lebih, tidak memberi nafkah dan tidak mempedulikan isteri selama tempoh yang sama.

Secara umum, terdapat dua kumpulan negeri yang mempunyai perbezaan ketara lafaz taklik, iaitu yang ada menyebutkan keganasan terhadap isteri dalam syarat taklik dan sebaliknya yang tidak menyebutkan demikian.

---

<sup>17</sup> Seksyen 109 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

Kumpulan negeri yang menyebutkan syarat menganiayai isteri sebagai antara sebab isteri boleh menuntut cerai dalam taklik perkahwinan ialah hampir semua negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak.

Lafaz taklik di Perak pula ada menyebutkan tentang perbalahan antara suami isteri yang boleh dijadikan alasan permohonan cerai taklik oleh isteri. Ini boleh dianggap termasuk penganiayaan terhadap isteri.

Walau bagaimanapun, lafaz taklik perkahwinan di negeri-negeri Kedah dan Terengganu tidak menyentuh perkara yang membawa maksud bahawa keganasan terhadap isteri boleh dijadikan sebab untuk isteri menuntut cerai taklik. Lafaz taklik perkahwinan di Kedah hanya menyebutkan mengenai suami yang meninggalkan isteri selama enam bulan dan di Terengganu selama empat bulan.

Manakala negeri Perlis adalah satu-satunya negeri yang tidak mensyaratkan lafaz taklik selepas akad perkahwinan. Ini berikutan negeri itu mendapati lafaz taklik tidak mendarangkan apa-apa faedah terhadap kebajikan sesebuah perkahwinan. Malah, jika dilafazkan taklik sekalipun, pihak suami terutamanya didapati masih tidak mengambil berat kepentingan lafaz itu untuk menjaga kerukunan rumahtangga<sup>18</sup>.

---

<sup>18</sup> Al-Islam, Julai 1996, h. 11.

Secara terperinci, lafaz taklik mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

### 1. Perlis

Tiada lafaz taklik selepas dimansuhkan pada tahun 1991 - pihak mahkamah yang akan menentukan jenis-jenis perceraian kepada setiap aduan yang dibuat oleh mana-mana pihak, suami atau isteri. Sebelum pemansuhan, peruntukan perceraian menggunakan talak taklik terdapat dalam seksyen 13(2)(6) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perlis 1964. Takliknya adalah seperti berikut:

"Manakala saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya \_\_\_\_\_ binti \_\_\_\_\_ lamanya sebulan atau lebih dengan tidak memberi nafkah kepadanya mengikut kemampuan saya lalu mengadu ia kepada kadi dan apabila sabit pengaduannya itu pada sisi kadi, maka tertalaklah isteri saya \_\_\_\_\_ binti \_\_\_\_\_.

Saya tidak boleh balun, pukul atau menyeka atau menyakiti isteri saya \_\_\_\_\_ binti \_\_\_\_\_ dengan apa cara sekalipun yang melampaui hukum syarak atau adat. Apabila saya melakukan apa-apa perkara yang tersebut di atas dan mengadu kepada kadi dan apabila sabit pengaduan isteri saya itu pada sisi kadi maka tertalaklah isteri saya \_\_\_\_\_ binti \_\_\_\_\_."

### 2. Kedah

"Manakala aku tinggalkan isteriku lamanya enam bulan dan kemudian daripada itu mengadu ia kepada hakim nikah dan sabit yang demikian itu pada sisinya maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak."

### 3. Pulau Pinang

"Apabila saya meninggalkan isteri saya lamanya empat bulan Hijrah atau lebih sama ada dengan sengaja atau terpaksa atau tidak memberi nafkah kepada isteri saya maka mengadulah isteri saya kepada mana-mana hakim syariah. Dan apabila disabitkan di sisi hakim maka tertalaklah isteri saya itu dengan satu talak."

"Dan tiap-tiap kali saya rujukkan isteri saya yang tersebut kepada nikahnya dengan ketiadaan redhanya maka gugurlah pula talaknya satu."

“Manakala jika saya melakukan kekerasan dan kezaliman ke atas isteri saya dengan memukul atau mendera maka gugurlah pula talaknya satu.”

#### 4. Perak

“Tiap-tiap kali aku tinggalkan atau tiada aku memberi nafkah yang layak bagiku akan isteriku tiga bulan atau lebih lamanya dan mengadu ia kepada mana-mana Kadi Syarie dan sabit pengaduannya pada sisi kadi itu, maka tertalaklah isteriku itu dengan satu talak.”

“Jika ada perbalahan di antara kedua aku laki dan isteri maka mengadu isteriku kepada mana-mana Kadi Syariah dan sabit pengaduannya pada sisi kadi itu, maka mengakulah aku akan bertaklik seperti yang dipersetujukan oleh Kadi itu. Sekiranya ingkar aku daripada bertaklik sedemikian itu, maka gugurlah satu talak di atas isteriku itu.”

#### 5. Kelantan

“Manakala saya meninggalkan isteri saya selama empat bulan atau lebih dengan sengaja atau paksa atau saya atau wakil saya tiada memberi nafkah yang wajib kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taat kepada saya atau saya menyakiti tubuh badannya atau saya tidak mempedulikannya selama empat bulan atau lebih, kemudian ia mengadu kepada kadi/hakim syarak dan manakala sabit aduannya dan ia memberi kepada kadi bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khuluk.”

#### 6. Terengganu

“Tiap-tiap kali saya meninggalkan sekedudukan dengan isteri saya yang tersebut itu selama tempoh empat bulan dengan tidak putus-puus, sama ada saya meninggalkan akan dia atau dia meninggal akan saya dengan ikhtiar atau dengan terpaksa tatkala ia mengadu kepada kadi atau naib kadi dan tatkala sabit pada sisinya di atas sekedudukan selama itu maka tertalaklah isteri saya itu dengan talak satu.”

#### 7. Pahang

Manakala saya tinggalkan isteri saya selam empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya kemudian ia mengadu kepada kadi dan manakala sabit aduan-aduannya di sisi kadi atau mahkamah syariah dan ia memberi kepada

kadi bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khuluk.”

#### 8. Selangor

“Saya mengaku apabila saya tingalkan isteri saya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalak ia dengan cara talak khuluk.”

“Dan tiap-tiap kali saya rujukkan isteri saya yang tersebut kepada nikahnya dengan ketiadaan redhanya maka gugurlah pula talaknya satu.”

#### 9. Wilayah Persekutuan

“Saya mengaku apabila saya tingalkan isteri saya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalak ia dengan cara talak khuluk.”

#### 10. Negeri Sembilan

“Saya dengan ini mengaku bahawa apabila saya meninggalkan isteri saya selam empat bulan Hijrah bererus dengan sengaja tanpa nafkah atau saya hilang kepada tempat yang tiada diketahui akan hidup atau matinya saya atau saya telah menyebabkan kecederaan kepada tubuh badannya dan dia kemudiannya membuat pengaduan kepada Mahkamah Syariah dan mahkamah selepas siasatan wajar mendapat ianya benar, maka jatuhlah atasnya satu talak.”

#### 11. Melaka

“Tiap-tiap kali saya tinggalkan isteri saya lamanya empat bulan berturut-turut atau saya tidak memberi nafkah yang wajib kepadanya lamanya empat bulan atau lebih atau saya menyakiti tubuh badannya atau saya tidak mempedulikan lamanya empat bulan, maka bolehlah isteri saya itu mengadu kepada mana-

mana Kadi dan jika disabitkan oleh Kadi akan aduannya maka gugurlah talak saya satu.”

“Dan tiap kali saya rujuk akan isteri saya tersebut dengan tiada kebenarannya maka gugurlah pula talak saya satu lagi.”

## 12. Johor

“Manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya, kemudian ia mengadu kepada Kadi dan manakala sabit aduan-aduannya di sisi kadi atau Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada kadi atau Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalak ia dengan satu talak khuluk.”

“Atau jika saya ghaib daripada isteri saya yang tersebut selama setahun atau lebih, jika ia mengadu kepada kadi dengan berkata ianya tiada tertunggu lagi akan saya dan manakala sabit aduan-aduannya nescaya tertalaklah ia satu talak. Demikian lafadz taklik saya.”

## 13. Sarawak

“Apabila saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya tiada bercampur dengan isteri saya itu selama empat bulan hijrah berturut-turut atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya, kemudian dia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya RM1 maka pada ketika itu tertalak dia dengan cara talak khulu’.”

Daripada lafadz-lafadz taklik ini, jenis penganiayaan yang disebutkan dengan jelas ialah keganasan berbentuk fizikal sahaja. Manakala keganasan dalam bentuk lain tidak dinyatakan. Dari segi hukuman, jika sabit kesalahan, mahkamah boleh memerintahkan perkahwinan dibubarkan dengan cara perceraian khulu’.

Manakala dalam lafaz taklik di Pahang, Johor dan Sarawak, agak terbuka di mana keganasan dalam bentuk lain turut dinyatakan iaitu mudarat yang dilakukan bukan sahaja terhadap fizikal tetapi merangkumi kehormatan dan harta benda.

Lafaz taklik di Perak pula terlalu umum kerana ia cuma menyebutkan perkataan “perbalahan” yang boleh ditafsirkan sebagai termasuk menganiaya isteri kerana jika suami isteri berbalah kemungkinan berlaku perbuatan aniaya itu ada.

Negeri-negeri Kedah dan Terengganu langsung tidak memerlukan perbuatan menganiaya isteri sebagai antara sebab yang membolehkan perceraian taklik dituntut. Manakala Perlis langsung tidak mensyaratkan taklik perkahwinan terhadap mana-mana perkahwinan di negeri berkenaan.

Dari segi hukuman, semua negeri yang mempunyai peruntukan menganiaya isteri dalam lafaz takliknya memperlukan hukuman yang sama iaitu, jika sabit kesalahan, mahkamah boleh memerintahkan perkahwinan dibubarkan dengan cara perceraian khulu’.

Selain menggunakan peruntukan taklik, isteri yang dianiyai juga boleh menggunakan peruntukan fasakh sebagai asas memohon perceraian. Antara perkara yang membolehkan isteri membuat tuntutan fasakh ialah penganiayaan. Bentuk-

bentuk penganiayaan oleh suami yang disenaraikan di dalam Enakmen Keluarga Islam<sup>19</sup> ialah:

- i. Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan isteri menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.
- ii. Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syarak.
- iii. Suka memaksa isteri hidup secara lucah.
- iv. Melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu daripada menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu.
- v. Menghalang isteri daripada menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya.
- vi. Jika suami mempunyai isteri yang lebih dari seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum syarak.

Walau bagaimanapun, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, Pahang dan Perak tidak menyebutkan secara langsung dan terperinci tentang penganiayaan oleh suami yang boleh dijadikan sebab permohonan fasakh. Penganiayaan mungkin boleh dianggap terkandung di dalam sebab “alasan-alasan lain yang diiktiraf oleh mahkamah”<sup>20</sup>.

<sup>19</sup> Seksyen 52(1)(h) Perlis, Seksyen 52(1)(h) Pulau Pinang, Seksyen 38(1)(h) Melaka, Seksyen 52(1)(h) Negeri Sembilan, Seksyen 52(1)(h) Johor, Seksyen 51(1)(h) Sabah, Seksyen 51(1)(h) Sarawak, Seksyen 52(1)(h) Selangor, Seksyen 49(1)(h) Terengganu, Seksyen 52(1)(h) Wilayah Persekutuan.

<sup>20</sup> Seksyen 38 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Seksyen 52 Pahang, Seksyen 49 Perak, Seksyen 44 Kedah.

Sebagaimana dalam kes *Rakhmas binti Yunus lwn. Adnan bin Ngah*<sup>21</sup> pihak mahkamah telah membenarkan permohonan untuk membubarkan perkahwinan menggunakan fasakh oleh pihak yang menuntut setelah berpuashati bahawa pihak defenden sering menyakiti dan menganiaya pihak menuntut, selain gagal memberi nafkah.

Menurut fakta kes, defenden selalu memukul plaintiff seperti menampar dan memukul dengan penyapu. Kali terakhir dan paling teruk plaintiff dipukul ialah pada 2 Mei 1995 hingga pecah anak telinga dan mengakibatkan plaintiff ditahan di wad selama empat hari.

Pembubaran perkahwinan ini adalah berdasarkan peruntukan yang terdapat di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu seksyen 49(1)(h) yang memperuntukkan:

*"seseorang perempuan yang berkahwin mungkin hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan berikut: .....bahawa suami menganiayaimya iaitu antara lain: .....lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya..... ."*

Begitu juga dengan kes *Pendakwaraya lwn. Mahmud bin Hitam*<sup>22</sup> dan *Pendakwaraya lwn. Harun bin Mihat*<sup>23</sup>. Dalam kedua-dua kes ini, mahkamah telah

<sup>21</sup> Mahkamah Syariah Negeri Terengganu Kes Mal 26/95.

<sup>22</sup> Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kes jenayah bil. 141/93.

<sup>23</sup> Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kes jenayah bil. 48/91.

mensabitkan kesalahan menganiaya isteri dan membenarkan permohonan plaintif untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh.

Satu lagi bentuk pembubaran perkahwinan yang boleh dituntut oleh isteri yang terlibat dengan keganasan rumahtangga ialah khulu'. Khulu' bermaksud perceraian dengan bayaran gantirugi yang diberikan kepada pihak suami<sup>24</sup>. Khulu' berlaku apabila suami enggan menceraikan isteri dengan kerelaan kecuali dengan bayaran dari pihak isteri yang dipersetujui bersama. Ia hanya boleh dituntut dalam keadaan terdesak sahaja iaitu jika isteri mahukan perceraian sedangkan suami tidak mahu melafazkan talak.

Perceraian dengan cara khulu' boleh diberikan oleh kadhi kerana suami sentiasa memudharatkan isteri, tidak memenuhi syarat berumahtangga, tidak waras, tidak upaya yang tidak dapat dipulihkan, meninggalkan rumahtangga tanpa menyediakan nafkah kepada isteri dan sebab lain yang membolehkan perceraian menurut pendapat kadhi<sup>25</sup>.

Khulu' juga disebut sebagai tebus talak. Di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan Seksyen 36(1) memperuntukkan bahawa jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaan sendiri, tetapi kedua-dua pihak bersetuju bercerai dengan tebus talak dengan jumlah bayaran tertentu, pihak mahkamah hendaklah

<sup>24</sup> Muhammad al-Syarbini al-Khatib, *al-Iqna* (juzuk 2). Misr: Dar al-Fikr, h . 145 dan Uqlah, Muhammad, *Nizam al-Usrati fi al-Islam* (Jilid 3) Amman: Dar al-Fikr, h . 186.

<sup>25</sup> I. Doi, Abdul Rahman (1995)(terjemahan Rohani Abdul Rahim), *Undang-Undang Syariah*. Kuala Lumpur: DBP, h. 252.

mengesahkan suami itu melafazkan perceraian dengan tebus talak mengikut hukum syarak<sup>26</sup>. Peruntukan serupa terdapat di dalam semua Enakmen Keluarga Islam Negeri-Negeri<sup>27</sup>.

Daripada perlindungan yang ada di dalam enakmen keluarga Islam negeri-negeri ini, cara ‘menyelamatkan’ para isteri daripada penganiayaan ialah dengan mengemukakan permohonan cerai, sama ada melalui peruntukan taklik, fasakh, khulu’atau menggunakan peruntukan menganiayai isteri seperti yang terdapat dalam seksyen 127 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan<sup>28</sup>.

Selain daripada itu, mangsa keganasan rumah tangga juga boleh mendapatkan perintah tegahan daripada perutukan tegahan terhadap gangguan seperti yang terdapat dalam seksyen 127(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Peruntukan ini dapat mengelakkan mangsa dari pasangannya dalam masa sesuatu perbicaraan dijalankan.

---

<sup>26</sup> Seksyen 36(1) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

<sup>27</sup> Seksyen 48 Enakmen Keluarga Islam Johor no. 5 1990, Seksyen 41 Enakmen Keluarga Islam Kedah bil. 1 1984, Seksyen 36 Enakmen Keluarga Islam Melaka no. 8 1983, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan no 7 1983, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Pahang no 3 1987, Seksyen 46 Enakmen Keluarga Islam Perak bil 13 1984, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Perlis bil. 3 1991, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Pulau Pinang bil 2 1985, Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Sabah no 15 1992, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Selangor no 4 1984, Seksyen 46 Enakmen Keluarga Islam Terengganu bil 3 1986, Seksyen 49 Enakmen Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Akta 303 1984, Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Sarawak no 5 1991.

<sup>28</sup> Seksyen 127 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 memperuntukkan - “Menganiayai isteri: seseorang yang menganiayai isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu riggit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”

## **5.2.2 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian)**

**1976**

Akta ini tertakluk kepada mereka yang bukan beragama Islam sahaja. Seksyen 103 Akta ini memperuntukkan: "Mahkamah adalah berkuasa dalam menanti keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal perkahwinan atau pada atau selepas pemberian sesuatu dikri perceraian, perpisahan kehakiman atau pembatalan, memerintah seseorang supaya jangan memaksa suami isterinya yang terdahulu menerima kehadirannya dan supaya jangan melakukan lain-lain perbuatan gangguan."

Selain daripada itu, seksyen 53(1) Akta ini turut memberikan ruang kepada seseorang isteri untuk memohon perceraian jika perkahwinan itu sudah berpecah belah dan tidak bermakna lagi.

Ini bermakna, seseorang isteri yang dianiaya sama ada diserang atau diancam boleh memohon perceraian memandangkan rumah tangga berkenaan tidak dapat diselamatkan lagi. Berikutnya permohonan cerai tadi, pihak isteri perlulah membuktikan kepada mahkamah bahawa terdapat satu fakta atau lebih bahawa perbuatan suaminya telah menyebabkan isteri berkenaan tidak mungkin dapat terus hidup bersama suaminya<sup>29</sup>.

---

<sup>29</sup> Seksyen 54(b) Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Namun begitu, wanita bukan Islam agak sukar untuk memohon perceraian kerana mereka terpaksa melalui berbagai-bagai proses undang-undang yang ketat. Ini kerana menurut seksyen 50(1) Akta ini, mana-mana pihak, suami atau isteri, tidak boleh memohon pembubaran perkahwinan dalam tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan mereka dilangsungkan kecuali dengan sebab-sebab dan keadaan yang terkecuali.

Peruntukan ini agak menyusahkan isteri yang menjadi mangsa penderaan untuk membuat permohonan perceraian dalam tempoh tersebut kecuali beliau dapat membuktikan bahawa perkahwinan itu “sudah tidak dapat diselamatkan lagi.” Tambahan lagi, kemungkinan untuk mangsa mendapatkan bukti kukuh berkenaan keadaan hidup yang teraniaya, amat sukar<sup>30</sup>.

Bukan sahaja peruntukan seksyen 50(1) Akta ini menyekat peluang mangsa penganiayaan untuk berpisah daripada suaminya, malah seksyen 55 Akta ini juga seolah-olah membiarkan isteri terus teraniaya. Seksyen 55 memperuntukkan bahawa satu badan perundingan hendaklah ditubuhkan untuk menyelesaikan konflik dalam rumah tangga dalam tempoh enam bulan. Jika sekiranya badan perundingan itu gagal menyelesaikan masalah rumah tangga pihak berkenaan, badan tersebut hendaklah mengeluarkan satu sijil. Selepas itu barulah proses seterusnya boleh diambil bagi memfailkan petisyen perceraian.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> Nisar Ahmad Ganai (1994), “The Wife Battering Syndrome in Modern Malaysia: Law and Practice”, ICLR XIV (1994) m.s. 51.

<sup>31</sup> Seksyen 57(2) Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

### **2.3 Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973**

Di Malaysia, undang-undang berkenaan perlindungan wanita dan gadis mula dibuat pada tahun 1870. Undang-Undang berkenaan dinamakan “*Contagious Diseases Ordinance 1870*<sup>32</sup>. Ia meliputi pendaftaran rumah-rumah pelacuran dan memberitahuhan tentang penyakit perempuan. Pada tahun 1877 pula, undang-undang mengendalikan jenayah memperdagangkan perempuan pula digubal.

Pada tahun 1969, Undang-Undang Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan yang berkuatkuasa ialah:

- i. Enakmen Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan Bab 156 bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan.
- ii. Enakmen Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan nombor 113 untuk negeri Johor.
- iii. Enakmen Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan nombor 133 untuk negeri Kedah.
- iv. Enakmen Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan nombor 1 untuk negeri Perlis.
- v. Ordinan Perlindungan Orang-Orang Perempuan dan Kanak-Kanak Perempuan Bab 33 untuk Negeri-Negeri Selat untuk Melaka dan Pulau Pinang.

<sup>32</sup> Abdul Hadi Zakaria (1995), *Protecting Girls: Official Measures Against Underaged Girls Rescued From Moral Danger*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 47.

Akhirnya setelah mencapai kemerdekaan selama 16 tahun, barulah satu undang-undang khusus berkenaan perlindungan wanita dan kanak-kanak digubal dan dikuatkuasakan, iaitu pada 1 September 1973<sup>33</sup>.

Akta yang dinamakan sebagai Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973 (Akta 106) telah diluluskan untuk meminda dan menyatukan undang-undang yang sedia ada sejak 1870 berkaitan perlindungan wanita dan gadis, di samping menambah peruntukan untuk perkara-perkara berkaitan<sup>34</sup>.

Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973 turut memuatkan peruntukan berkenaan penganiayaan terhadap perempuan di bawah umur dua puluh satu tahun. Seksyen 8 Akta ini membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah supaya orang-orang perempuan ditahan dalam hal-hal tertentu seperti dianaya, diabaikan atau terdedah kepada bahaya akhlak<sup>35</sup>. Perempuan berkenaan boleh dikenakan perintah perlindungan dan ditahan sementara siasatan dijalankan.

Seterusnya setelah laporan dikemukakan dan mahkamah berpuashati bahawa perempuan berkenaan memerlukan perlindungan, barulah mahkamah boleh memerintahkan perempuan itu ditahan di tempat perlindungan, atau diletakkan di bawah peliharaan seseorang yang layak, atau memerintah dengan bon kepada ibu

---

<sup>33</sup> Ibid., h. 54.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Seksyen 8 (1) Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973.

bapa atau penjaga perempuan itu untuk menjaga, atau meletakkan perempuan itu di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat<sup>36</sup>. Perkara-perkara terperinci berkenaan siasatan, tempoh tahanan dan perkara-perkara berkaitan terdapat dalam seksyen 8 dan 9 Akta ini.

Walau bagaimanapun perlindungan dalam Akta ini lebih cenderung untuk melindungi wanita dan gadis yang terbabit dengan kesalahan pelacuran atau apa-apa perbuatan yang mempunyai maksud lucah.

#### **5.2.4 Kanun Kesiksaan**

Di dalam Kanun Kesiksaan, tidak ada satu takrifan yang jelas tentang hukuman terhadap keganasan terhadap ahli keluarga. Yang ada ialah peruntukan yang mempunyai elemen-elemen berbentuk penganiayaan seperti peruntukan berkenaan bunuh, bunuh tidak sengaja dan cedera. Undang-undang umum berkenaan jenayah juga boleh memberi perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga.

Beberapa contohnya adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 312-314 ; menyebabkan perempuan hamil mengalami keguguran dengan sengaja dan secara tidak suci hati, tanpa kerelaan perempuan itu dan menyebabkan kematian kepada perempuan itu.

---

<sup>36</sup> Seksyen 8(4)(a),(b),(c ),(d) Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973.

- ii. Seksyen 354-355 ; menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah bagi maksud mencabul kehormatan atau menjatuhkan kehormatan.
- iii. Seksyen 509 ; menghina kehormatan perempuan dengan menyebut sesuatu perkataan, membuat sesuatu bunyi atau isyarat atau menunjukkan sesuatu bagi tujuan ia didengar, dilihat atau mengganggu privacy perempuan.

Kanun Kesiksaan juga memperuntukkan seksyen berupa hukuman terhadap suami yang melakukan penganiayaan terhadap isteri. Seksyen 352 memperuntukkan bahawa seorang suami boleh dihukum penjara tiga bulan atau denda sehingga seribu ringgit atau kedua-duanya sekali, sekiranya dia menggunakan kekerasan jenayah atau menyerang isterinya. Bagi kesalahan mencederakan isteri dengan sengaja pula, suami boleh dikenakan hukuman penjara sehingga setahun atau denda sehingga dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali<sup>37</sup>.

Hukuman yang lebih berat boleh dikenakan ke atas suami yang menggunakan senjata bahaya untuk mencederakan isterinya. Hukuman kesalahan ini ialah penjara maksimum selama tiga tahun, atau dengan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman tersebut<sup>38</sup>.

Keganasan di antara pasangan tidak diberi perhatian secara khusus dalam undang-undang jenayah di Malaysia. Ia memberi perlindungan terhadap kecederaan

---

<sup>37</sup> Seksyen 323 Kanun Kesiksaan.

<sup>38</sup> Seksyen 324 Kanun Kesiksaan

dan kematian untuk semua orang tanpa melihat sama ada mereka mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak.

Undang-undang ini membenarkan isteri mendakwa suami terhadap kesalahan jenayah dan dia boleh menjadi saksi terhadap pasangannya. Ia memberi ruang terhadap kesalahan berkenaan keganasan yang dilakukan oleh suami untuk membolehkan mereka didakwa dan dibicarakan.

#### **5.2.5 Kanun Acara Jenayah**

Seksyen 23 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bagaimana polis atau penghulu boleh melakukan tangkapan tanpa waran terhadap mereka yang melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Kesiksaan.

Untuk melakukan tangkapan tersebut, seorang majistret diberi kuasa oleh Kanun Kesiksaan untuk mengeluarkan waran geledah bagi mengadakan tindakan terhadap sesuatu sebab yang boleh dipercayai bahawa seseorang itu telah dikurung secara menyalahi undang-undang.<sup>39</sup>

Selain daripada itu juga, pihak polis turut diberi kuasa untuk melakukan tangkapan setelah mengetahui maklumat mengenai rancangan kesalahan yang boleh

---

<sup>39</sup> Seksyen 58 Kanun Acara Jenayah.

ditangkap.<sup>40</sup> Maksudnya, jika polis enggan bertindak kepada suami yang melakukan penganiayaan terhadap isterinya, pihak berkenaan boleh membuat aduan kes kepada majistret menurut seksyen 133 Kanun Acara Jenayah.

Walaupun terdapat undang-undang seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah yang cuba memberi perlindungan kepada isteri yang menjadi mangsa penganiayaan, ia tidak memberi apa-apa kesan jika pihak polis sebagai badan yang menguatkuasakan undang-undang ini tidak berperanan dengan sewajarnya.

Biasanya, polis merupakan antara pihak yang paling awal dihubungi oleh mangsa keganasan. Namun berdasarkan banyak aduan, pihak polis lazimnya mengambil sikap tidak serius atau keberatan untuk mendakwa pihak yang melakukan keganasan kecuali mangsa mengalami kecederaan fizikal yang teruk.<sup>41</sup>

Ini terbukti berdasarkan laporan yang pernah dibuat. Pada tahun 1990, terdapat 472 kes yang dilaporkan dan 442 daripadanya merupakan kes kecederaan ringan yang tidak diambil tindakan oleh pihak polis. Perkara yang sama berlaku pada tahun 1991 dimana 419 kes dilaporkan. 359 daripadanya merupakan kes kecederaan ringan yang tidak diberi perhatian oleh pihak polis. Pihak polis hanya mendakwa

---

<sup>40</sup> Seksyen 104 Kanun Acara Jenayah

<sup>41</sup> Nisar Ahmad Ganai, op.cit., m.s. 47.

mereka yang melakukan kesalahan jenayah menggunakan senjata dan menyebabkan kecederaan teruk.<sup>42</sup>

Perkara ini pernah mendapat liputan media tempatan secara meluas sekitar bulan Jun dan Julai 1997 apabila pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengenengahkan gambaran seolah-olah pihak polis tidak menjalankan tanggungjawab dengan sewajarnya<sup>43</sup>.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dianggap selesai setelah Ketua Polis Negara memberi jaminan pihaknya akan memastikan setiap kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan akan diberi perhatian sewajarnya.<sup>44</sup>

Tindakan undang-undang jenayah ini boleh diambil terhadap semua orang termasuk pesalah yang melakukan kesalahan jenayah terhadap ahli keluarganya sendiri. Bagaimanapun, jika mangsa dan pesalah mempunyai hubungan keluarga, kemungkinan mangsa terdedah kepada ancaman, ugutan atau gangguan daripada pesalah sementara menunggu penyisatan polis atau setelah pesalah dibebaskan dengan jaminan adalah lebih tinggi dan lebih berisiko terutamanya jika mangsa dan pesalah tinggal dalam rumah yang sama<sup>45</sup>.

<sup>42</sup> Rafeah Saidon (1995), "The Legal Remedy for The Battered Wife Under The Criminal and Civil Law of Malaysia", Law Research and Methodology Paper, MCL, Universiti Islam Antarabangsa, 1995, h. 5.

<sup>43</sup> "Zaleha: Siasat Sendiri, Jangan Bagi Alasan Terlalu Banyak Kes", Watan 1 Julai 1997.

<sup>44</sup> "Jangan Persoal Ketegasan Polis-Rahim" Mingguan Malaysia, 6 Julai 1997.

<sup>45</sup> Watan, 17 Jun 1996, h. 12

### **5.3 Reaksi dan Cadangan Berhubung Undang-Undang Keganasan**

#### **Rumahtangga**

Terdapat berbagai-bagai pandangan, reaksi dan kritikan di kalangan masyarakat terhadap undang-undang berhubung keganasan rumah tangga. Misalnya, berkenaan seksyen yang memperuntukkan hukuman terhadap suami yang menganiayai isteri dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Azalina Othman Said<sup>46</sup> mencadangkan hukuman penjara dikenakan ke atas suami yang didapati bersalah menganiayai isteri atau bekas isteri.

Ini memandangkan denda sahaja didapati tidak berkesan. Kebanyakan suami atau bekas suami mampu membayar denda dan kemudian tidak mematuhi perintah mahkamah. Misalnya perintah membayar nafkah anak-anak dan perintah berlaku adil jika berpoligami. Keadaan ini menggambarkan matlamat untuk membela isteri dan anak teraniaya tidak tercapai. Hukuman penjara dicadangkan agar suami tidak dapat “lari” daripada tanggungjawabnya.

Pada masa ini, walaupun hukuman penjara memang ada di dalam akta, tetapi biasanya kadi tidak mengenakkannya kepada pihak suami bersama dengan denda, ia hanya sebagai pilihan, dan sudah tentu ramai suami yang mampu membayar denda memilih untuk membayar denda.

---

<sup>46</sup> “Suami Tidak Takut Didenda”, Berita Harian, 29 Julai 1998 dan “Penjara Suami Aniaya Isteri”, Berita Harian, 4 Ogos 1998.

Sebelum itu, pada tahun 1995, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pernah mengeluarkan kenyataan bahawa unit itu sedang mengkaji cadangan melaksanakan hukuman sebat terhadap lelaki Islam yang disabitkan kesalahan mendera isteri untuk dimasukkan dalam undang-undang penjenayah hukum Syarak Negeri-Negeri<sup>47</sup>.

Menurut Dr. Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, cadangan ini ditimbulkan kerana hak isteri setakat ini hanya untuk menuntut cerai melalui mahkamah jika berlaku perderaan dan hukuman lain yang lebih berat seperti sebat adalah perlu<sup>48</sup>.

Hukuman penjara memang ada dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri dan boleh dikenakan atas perintah hakim. Tetapi setakat ini hakim lebih cenderung mengenakan hukuman berbentuk denda atau hukuman penjara sebagai pilihan sahaja.

Sebagai contoh, dalam kes *Rakhmas binti Yunus lwn. Adnan bin Ngah*<sup>49</sup>, hakim telah membenarkan tuntutan membubarkan perkahwinan di bawah cerai fasakh kerana defenden sering mendera dan menyakiti plaintiff dan gagal memberi nafkah. Tetapi dalam hukuman yang diputuskan, mahkamah sekadar mengarahkan pihak

---

<sup>47</sup> Dewan Masyarakat, Februari 1995, h. 58.

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, Kes Mal 26/95.

defenden membayar nafkah dan memberikan hak penjagaan anak-anak kepada plaintiff. Defenden tidak dikenakan sebarang hukuman atas sebab menganiayai isteri.

Women's Aid Organisation (WAO) pula, sebagai badan bukan kerajaan yang aktif memperjuangkan nasib golongan mangsa penganiayaan telah membuat permerhatian terhadap Akta Keganasan Rumahtangga dari mula dikuatkuasakan pada Jun 1996 hingga Disember 1997. Hasilnya mereka mengemukakan beberapa cadangan meliputi beberapa perkara untuk mempertingkatkan Akta Keganasan Rumahtangga 1994<sup>50</sup>.

Antaranya ialah berkenaan dengan prosedur undang-undang, fungsi kerajaan negeri, prosedur Perintah Permohonan Interim (IPO), fungsi polis, fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat, fungsi mahkamah dan pengaruh budaya.(Rujuk lampiran A)

#### **5.4 PERANAN BADAN-BADAN KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN**

Di samping undang-undang, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan turut membantu isteri-isteri teraniaya. Kerajaan mempunyai beberapa badan dan agensi yang bertugas menangani permasalahan keganasan rumahtangga seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Polis, Kementerian Kesihatan dan hospital serta Jabatan Agama.

---

<sup>50</sup> Berita Harian, 7 Julai 1998.

Manakala badan-badan bukan kerajaan adalah seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), ABIM dan Sisters in Islam (SIS).

Badan-badan ini bertanggungjawab membantu mangsa penganiayaan menghadapi dan mencari jalan keluar kepada masalah yang dihadapi. Ia juga secara tidak langsung membantu perintah yang dikeluarkan menggunakan undang-undang seperti perintah tegahan yang wujud di dalam Akta Keganasan Rumahtangga dengan menyediakan tempat-tempat perlindungan sementara.

#### **5.4.1 Badan-Badan Kerajaan**

Kerajaan telah mengenalpasti bahawa kestabilan negara berkait rapat dengan kestabilan masyarakat. Masalah sosial yang tidak terkawal boleh mengganggu kesejahteraan negara.

Sémasik hari, kehidupan masyarakat semakin rumit dengan perubahan sosial yang pesat. Individu, keluarga dan masyarakat terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah sosial yang boleh mengakibatkan tekanan. Antara masalah sosial yang didapati semakin meningkat ialah perbuatan jenayah, pelacuran, penderaan kanak-kanak, kenakalan di kalangan murid sekolah, kenakalan juvana, keganasan dalam keluarga, perceraian, pengangguran, penganiayaan terhadap orang tua, penyalahgunaan dadah dan belia berpeleseran.

Untuk membendung masalah ini, setiap golongan perlu ditanamkan nilai kefahaman dan kesedaran yang tinggi supaya ampuh menghadapi cabaran semasa. Maka, kerajaan bertindak menggubal Dasar Kebajikan Masyarakat Negara yang bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan mesyarakat menuju ke arah mewujudkan keadaan sosial yang baik<sup>51</sup>.

Proses menggubal Dasar Kebajikan Masyarakat Negara memakan masa lima tahun, bermula tahun 1985 dengan bantuan seorang pakar perunding daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Draf pertamanya ditolak oleh Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara kerana tidak mencakupi aspek kebajikan secara menyeluruh dan diarahkan supaya kajian semula dilakukan<sup>52</sup>.

Untuk tujuan kajian semula, sebuah Jawatankuasa Bertindak yang terdiri daripada tiga orang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, dua orang ahli akademik, seorang pegawai tadbir dan seorang wakil daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, telah ditubuhkan. Penyusunan semula telah dapat dilakukan dalam masa sembilan bulan<sup>53</sup>.

Kemudian, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara telah dibentangkan kepada kabinet oleh Yang Berhormat Dato' Mustapha Mohamad, Menteri Kebajikan Masyarakat yang juga turut menyarankan kempen Keluarga Bahagia. Ia telah

---

<sup>51</sup> Wan Azmi Ramli (1993), *Dasar Sosial Malaysia*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre, h. 164.

<sup>52</sup> Ibid., h. 166

<sup>53</sup> ibid.

diterima dan diluluskan pada bulan Mei 1990 untuk dilaksanakan. Bermula dari sini jugalah diperkenalkan konsep Masyarakat Penyayang<sup>54</sup>.

Aspek Kebajikan Masyarakat dalam Dasar Kebajikan Negara merangkumi integrasi sosial, kesepaduan sosial, pendidikan sosial, pembangunan sosial dan jagaan bagi golongan yang mempunyai keperluan khas.

Dasar ini diharapkan dapat membendung masalah sosial agar tidak menjadi wabak yang sukar dikawal. Pendekatan serta peranan yang bercorak rawatan dan pemulihan sahaja tidak mencukupi untuk membendung masalah ini. Ia juga merangkumi segala aspek pencegahan dan pembangunan<sup>55</sup>.

Kerajaan menyedari bahawa unit asas yang perlu diberikan perhatian dalam usaha menjayakan matlamat masyarakat penyayang adalah institusi keluarga<sup>56</sup>. Oleh itu segala permasalahan berkaitan institusi keluarga perlu ditangani dengan berkesan.

Kerajaan juga telah meletakkan tugas mewujudkan masyarakat Malaysia yang sejahtera di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terdapat beberapa jabatan atau agensi di bawah kementerian ini iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Nagara, Bahagian Hal Ehwal Wanita

---

<sup>54</sup> ibid.

<sup>55</sup> ibid., h. 64.

<sup>56</sup> Ucapan perasmian Seminar Peranan NGOs dalam Pewujudan Masyarakat Penyayang: Satu Cabaran pada 12 Ogos 1993 di Hotel Hilton Kuala Lumpur oleh Dato' Napsiah Omar.

(HAWA), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Orang Asli<sup>57</sup>.

Kementerian ini telah mengenalpasti lapan golongan sasaran utama untuk program-program yang dirancang. Mereka ialah kanak-kanak, remaja/juvana, wanita, institusi keluarga, warga tua, golongan kurang upaya, orang miskin/papa dan komuniti<sup>58</sup>.

Golongan lain ialah pesakit melarat, mangsa penagihan, mangsa penjenayah dan mangsa bencana<sup>59</sup>. Agensi kerajaan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembagunan Masyarakat yang terlibat secara langsung mengendalikan masalah sosial ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat, HAWA dan LPPKN.

#### **5.4.1.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Dari segi sejarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) telah ditubuhkan pada April 1946 di bawah Kementerian Kebajikan Am. Dari awal penubuhan hingga tahun 1960, jabatan ini hanya memberikan tumpuan kepada perkhidmatan berbentuk memberi pertolongan secara tradisi seperti membantu mereka yang ditimpa bencana, miskin dan cacat<sup>60</sup>.

<sup>57</sup> Laporan Tahunan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, 1994.

<sup>58</sup> Hashim Mohd. Isa(ed.)(1998), *Information Malaysia 1998 Yearbook*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., h. 579.

<sup>59</sup> Wan Azmi Ramli, op.cit., h. 375.

<sup>60</sup> Ibid., h. 314.

Tidak ada langsung disebutkan mengenai keganasan rumahtangga pada waktu itu. Perhatian hanya tertumpu kepada masalah pelacuran, penghapusan perdagangan wanita dan gadis serta perlindungan dan pemulihan untuk mangsa-mangsa pelacuran dan perdagangan wanita<sup>61</sup>.

Selepas tahun 60an barulah ada usaha-usaha untuk menyatukan konsep tradisi dan pembangunan. Kementerian Kebajikan Am telah menyusun dengan lebih teratur pembahagian perkhidmatan berteraskan konsep tradisi dan pembangunan. Perkhidmatan berkenaan ialah perkhidmatan kanak-kanak, perkhidmatan seliaan akhlak, perkhidmatan perlindungan wanita dan gadis, perkhidmatan orang-orang cacat dan perkhidmatan latihan kakitangan<sup>62</sup>.

Namun, perkhidmatan perlindungan wanita dan gadis masih lagi khas untuk mencegah penindasan dan melindungi mereka daripada pemerasan untuk maksud lucah serta untuk pemulihan mereka daripada terus hidup sebagai pelacur<sup>63</sup>.

Sebelum diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada Oktober 1990, jabatan ini berada di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat<sup>64</sup>.

<sup>61</sup> Penyata Tahunan Kementerian Kebajikan Am Malaysia 1969.

<sup>62</sup> Wan Azmi Ramli, op.cit., h. 315.

<sup>63</sup> Penyata Tahunan Kementerian Kebajikan Am Malaysia 1969.

<sup>64</sup> Ibid., h. 578.

Objektif penubuhan jabatan ini ialah untuk membantu, memberikan pemulihan dan memperbaiki, ke arah kesejahteraan keluarga, kakak-kanak, orang tua, golongan kurang upaya dan remaja yang kurang bernasib baik, diabaikan, dieksplorasi serta mangsa bencana alam<sup>65</sup>.

Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Pencegahan, Penguatkuasaan dan Siaatan adalah khusus mengendalikan segala permasalahan berkaitan kanak-kanak-kanak, wanita, orang tua dan orang cacat. Golongan berkenaan merupakan golongan yang berisiko menghadapai masalah penderaan. Contohnya seperti penderaan kanak-kanak, penganiayaan isteri, gangguan seksual, masalah remaja, dan golongan kurang upaya seperti orang cacat dan orang tua.

Untuk permasalahan rumahtangga seperti konflik dan keganasan, JKM mempunyai tenaga yang dilatih khusus menangani persoalan ini. Mangsa boleh merujuk terus kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di mana mangsa tinggal. Mangsa yang memerlukan perkhidmatan kaunseling pula akan diberikan sesi kaunseling oleh PKMD termasuk pasangan dan juga ahli-ahli keluarga yang lain dalam usaha awal mendamaikan keadaan<sup>66</sup>.

JKM juga boleh membantu mangsa penderaan mendapatkan Perintah Perlindungan Interim (IPO) daripada mahkamah sekiranya kecederaan yang dialami

---

<sup>65</sup> Ibid., h. 580.

<sup>66</sup> Temubual dengan Datin Fawziah Begum Mohd. Abu Bakar, Penolong Pengarah Bahagian Pencegahan, Penguatkuasaan dan Siasatan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pada 10 Mei 1999.

mangsa didapati serius dan disahkan oleh doktor. Jika keadaan di rumah tidak selamat dan mangsa memohon perlindungan, mereka akan ditempatkan di tempat perlindungan sementara yang disediakan<sup>67</sup>. Perintah ini hanya wujud setelah Akta Keganasan Rumahtangga 1994 dikuatkuasakan pada Jun 1996. Sebelum itu mangsa keganasan rumahtangga tidak mempunyai hak perlindungan menurut undang-undang.

Setakat ini, JKM mempunyai 29 buah tempat selamat untuk tujuan perlindungan sementara kepada mangsa dan anak-anak. Tujuan mengadakan tempat perlindungan kepada mangsa, selain menjauhkan mereka secara fizikal daripada penderaan, ialah agar mangsa dapat mententeramkan diri sendiri dan berfikir dengan tenang untuk membuat keputusan seterusnya termasuk bagaimana untuk menguruskan dan menyara diri dan keluarga jika mangsa membawa anak-anak bersama. Sementara pada masa yang sama Pegawai Kebajikan Masyarakat(PKM) mempunyai masa untuk mengadakan sesi kauseling dan mengendalikan masalah berkenaan<sup>68</sup>.

Memandangkan tempat perlindungan yang disediakan adalah sementara, PKM perlu berbincang dengan mangsa tentang bagaimana mangsa akan meneruskan kehidupan. PKM yang mengendalikan kes akan turut sama menguruskan perpindahan rumah, urusan pertukaran sekolah anak, pekerjaan bagi diri mangsa, penjagaan anak kecil dan perkara-perkara lain yang difikirkan perlu<sup>69</sup>.

---

<sup>67</sup> Ibid.

<sup>68</sup> ibid.

<sup>69</sup> Fail Jabatan Kebajikan Masyarakat 1999.

JKM juga menyediakan talian percuma 24 jam untuk aduan dan bantuan keganasan rumah tangga yang dikenali sebagai Teledera<sup>70</sup>. Walau bagaimanapun, Teledera lebih popular untuk aduan berkenaan penderaan kanak-kanak sahaja.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga terlibat mengadakan seminar dan ceramah dalam usaha memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat. Contohnya, sepanjang tahun 1996, beberapa siri ceramah dan seminar telah diadakan. Antaranya ialah Melangkah ke Jinjang Pelamin, Pembangunan dan Kesihatan Keluarga, Forum Keluarga Bahagia dan Seminar Keluarga<sup>71</sup>.

Menurut JKM, kesedaran di kalangan masyarakat didapati semakin meningkat dengan adanya program celik undang-undang (*legal literacy*) yang telah diadakan bersama-sama dengan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Jabatan Hal Ehwal Wanita, Biro Wanita Negeri Sarawak, agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan wanita. Ini terbukti apabila semakin ramai mangsa keganasan yang tampil membuat laporan, serta seminar dan bengkel yang dianjurkan mendapat penyertaan yang menggalakkan<sup>72</sup>.

<sup>70</sup> "Teledera-Domestic Violence Hotline: Helpline for Assistance." The Sun, 27 Januari 1997.

<sup>71</sup> Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 1996, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia.

<sup>72</sup> Fail Jabatan Kebajikan Masyarakat 1999.

Untuk peringkat kanak-kanak pula, pelbagai program telah diatur untuk mewujudkan suasana sihat dan mengelakkan sebarang kejadian penderaan dan keganasan. Kerajaan menyedari bahawa institusi keluarga perlu diperkuuhkan ke tahap yang lebih sihat, stabil dan berdaya tahan menerusi penglibatan ibu bapa di kawasan di mana mereka tinggal. Oleh itu, JKM telah mewujudkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Jawatankuasa Kebajikan Juvana, Briged Kebajikan Perdana dan Badan Pendamai di peringkat daerah<sup>73</sup>.

Orang tua juga merupakan antara golongan sasaran JKM. Mereka biasanya menjadi mangsa pengabaian dan penderaan. Pada tahun 1993 terdapat 8 buah rumah orang-orang tua di seluruh negara<sup>74</sup>. Kemudahan institusi yang disediakan ini adalah sebagai langkah terakhir jagaan dan perlindungan. Walau bagaimanapun, kerajaan menggalakkan keluarga dan masyarakat memberikan khidmat sokongan untuk orang tua hidup bersama mereka dengan sejahtera. Galakan ini terdapat dalam kempen Masyarakat Penyayang dan Sayangi Warga Tua yang diadakan.

Selain daripada itu JKM juga mewujudkan Badan Pendamai di daerah bagi membantu keluarga yang menghadapi krisis rumahtangga. Badan Pendamai ditubuhkan mengikut Akta Keganasan Rumahtangga 1994 seksyen 11(1)(a) yang memperuntukkan bahawa mahkamah boleh membuat perintah supaya pihak-pihak yang terlibat dalam keganasan rumahtangga dirujukkan kepada Badan Pendamai. Fungsi utama ahli-ahli Badan Pendamai adalah untuk mendamaikan pasangan-

<sup>73</sup> Fail Jabatan Kebajikan Masyarakat 1999.

<sup>74</sup> Wan Azmi Ramli, op.cit., h. 324

pasangan yang menghadapi krisis dan konflik rumah tangga. Ini termasuk pasangan yang melakukan keganasan, anak, ibu bapa atau sesiapa sahaja dalam rumah tangga.

#### **5.4.1.2 Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA)**

HAWA pula ditubuhkan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara. Ia memberikan tumpuan kepada hak wanita dalam bidang politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan. Ia juga bertanggungjawab mengawasi perlaksanaan keputusan dasar-dasar dan projek-projek mengenai wanita, pengajuran kursus dan seminar untuk wanita, penyelidikan, pengawasan ke atas perkembangan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan kerajaan, penyelarasan perhubungan luar negeri, pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai wanita dan urusetia kepada *National Advisory Council For The Integration of Women in Development* (NACI WID)<sup>75</sup>.

#### **5.4.1.3 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**

Manakala, LPPKN memainkan peranan dari aspek penyelidikan dan pembangunan berkenaan keluarga. Contohnya dalam tahun 1996, LPPKN telah menyiapkan laporan kajian *Effect of Economic Development on Family on Gender Relation in Developing Countries in Asia*<sup>76</sup>.

---

<sup>75</sup> ibid., h. 329.

<sup>76</sup> Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 1996 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, h. 5.

#### **5.4.1.4 Kementerian Kesihatan**

Pihak Kementerian Kesihatan khasnya hospital kerajaan, turut memainkan peranan penting sebagai pihak yang terlibat secara langsung dalam permasalahan keganasan rumahtangga. Mangsa yang didera secara fizikal dengan serius sewajarnya datang terus ke hospital kerana pengesahan doktor amat penting untuk diambilkira dalam prosedur untuk mendapatkan perintah perlindungan atau dalam pendakwaan dari perbicaraan seterusnya.

Walaupun demikian, sikap sesetengah kakitangan hospital yang kadang kala tidak sensitif terhadap penderitaan dan perasaan mangsa dera seperti membiarkan mereka menjadi tontonan pesakit lain dan tidak terdapat bilik khas menyebabkan mereka merasa kurang selesa<sup>77</sup>.

Setakat ini, Hospital Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai bahagian khusus mengendalikan kes-kes kecederaan melibatkan keganasan rumahtangga. Bahagian ini ditubuhkan pada 1993 dan dikenali sebagai Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Melalui jabatan ini, pegawai perubatan bertanggungjawab menghubungi pertubuhan bukan kerajaan dan polis untuk memberikan perlindungan kepada mangsa

---

<sup>77</sup> Rohana Ariffin (1998), "Keganasan Terhadap Wanita" dalam Rokiah Talib dan Shanti Thambiah, *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 1998, h. 104.

selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Sebelum jabatan ini ditubuhkan, pergawai perubatan hanya memberikan rawatan kecederaan kepada mangsa yang mengalami kecederaan sahaja<sup>78</sup>.

Di bawah Jabatan Kecemasan dan Trauma, juga telah ditubuhkan sebuah Pusat Khidmat Sepadu atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC). Perkhidmatan Pusat Khidmat Sepadu telah dimulakan pada awal 1994.

Pusat Khidmat Sepadu merupakan satu perkhidmatan berbentuk kerjasama berpasukan daripada pelbagai sektor dan rangkaian antara agensi-agensi dalam mengendalikan mangsa keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak<sup>79</sup>.

Organisasi-organisasi yang terlibat di dalam Pusat Khidmat Sepadu ini terdiri daripada agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan. Agensi kerajaan berkenaan ialah Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Agama, Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan Sosial<sup>80</sup>.

Manakala agensi bukan kerajaan ialah *National Women Council Organisation, Women's Aid Organisation* (WAO), *All Women Aid Malaysia*

<sup>78</sup> "Keganasan Rumahtangga..... Wanita Melayu Paling Ramai Jadi Mangsa" Utusan Malaysia, 19 Ogos 1996.

<sup>79</sup> Buku Cenderamata Majlis Makan Malam Amal Pusat Khidmat Sepadu, Disember 1999.

<sup>80</sup> Ibid.

(AWAM), *Malaysia Red Crescent Society*, Tenaganita, *Sru Shuruthi Indian Women Organisation*, *Women Crisis Centre Penang* dan *St. John Ambulance Malaysia*<sup>81</sup>.

Secara umumnya, objektif Pusat Khidmat Sepadu adalah pengendalian yang komprehensif dalam menangani penyakit psiko-sosial. Objektif ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. mengenalpasti dan membuat diagnosis
- ii. Pemeriksaan, terapeutik dan rawatan perubatan
- iii. Rujukan yang bertepatan
- iv. Kaunseling dan sokongan emosi
- v. Pelbagai penyakit dalam mengendalikan krisis
- vi. Membuat laporan perubatan
- vii. Aktiviti perundangan dan mahkamah
- viii. Penyediaan tempat perlindungan sementara

Dengan kerjasama semua agensi terlibat dalam Pusat Khidmat Sepadu, ia menjadi satu perkhidmatan yang paling berkesan dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Pengasas Pusat Khidmat Sepadu, Dr Abu Hassan Asaari Abdullah mensifatkan pusat ini sebagai strategi paling berkesan untuk mengendalikan mangsa penderaan wanita dan kanak-kanak di Asia<sup>82</sup>.

---

<sup>81</sup> ibid.

<sup>82</sup> Temubual dengan Dr. Abu Hassan Asaari Abdullah di Jabatan Kecemasan dan Trauma pada 29 Disember 1999, 11.00 pagi.

#### **5.4.1.5 Jabatan Polis**

Pihak polis juga antara jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung berkenaan keganasan rumahtangga. Biasanya mangsa membuat laporan polis jika mengalami kecederaan fizikal yang dapat dibuktikan dengan jelas. Benuk penderaan lain sukar dibuktikan walaupun ada peruntukan undang-undang mengenainya.

Pada tahun 1986, pihak polis telah melatih pegawai wanita mereka untuk menyiasat kes-kes melibatkan kaum wanita seperti penderaan dan perkosaan. Namun, perkhidmatan ini hanya terdapat di stesen-stesen daerah besar sahaja.

Polis mengakui diletakkan dalam keadaan dilema apabila berhadapan dengan kes-kes keganasan rumahtangga. Pada masa dahulu masyarakat berpegang kepada konsep masalah keluarga diselesaikan dalam keluarga dan institusi sosial dalam masyarakat. Masyarakat lebih suka tidak melibatkan polis dalam “masalah keluarga”, kecuali jika melibatkan kecederaan teruk yang disifatkan sebagai jenayah<sup>83</sup>.

Aduan sering dibuat oleh mangsa yang berurusan dengan pihak polis ialah sering terjadi sikap tidak profesional di kalangan polis yang menerima aduan daripada mangsa rogol atau penderaan. Keadaan ini pernah mendapat liputan media dengan meluas pada pertengahan 1997 apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat campur tangan dan pihak polis menafikan. Konflik ini berakhir apabila pihak polis berjanji akan

<sup>83</sup> Mohd. Reduan Aslie(ed.)(1990), *Tan Sri Hanif Omar: Kepolisian dan Keselamatan*. Kuala Lumpur:AMK Interaksi Sdn.Bhd., h. 336.

mengambil tindakan terhadap pegawaiannya yang tidak melayan mangsa keganasan rumahtangga yang datang membuat aduan dengan baik<sup>84</sup>.

#### 5.4.2 Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan

Badan bukan kerajaan ialah satu struktur organisasi bebas yang tidak ditangani oleh kerajaan secara langsung dari segai kepakaran, material dan kewangan. Menurut Makmor bin Tumin:

*"Istilah pertubuhan bukan kerajaan adalah merujuk kepada entiti bukan kerajaan yang sah di sisi perlembagaan digabungkan di bawah undang-undang sebagai badan-badan amal yang tidak berunsurkan keuntungan yang mana ianya telah ditubuhkan untuk memenuhi kehendak orang ramai"<sup>85</sup>.*

Terdapat banyak badan-badan bukan kerajaan yang ditubuhkan berkaitan masalah wanita dan keluarga, khususnya permasalahan penganiayaan isteri. Antaranya ialah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), dan Sisters In Islam (SIS).

Badan-badan ini ada yang meletakkan objektif keseluruhannya untuk mengendalikan kes-kes keganasan rumahtangga seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan ada yang menjadikannya sebagai sebahagian daripada aktiviti pertubuhan seperti Sisters In Islam (SIS). Bentuk perkhidmatan yang disediakan ialah

<sup>84</sup> "Tolak Aduan:Tindakan Terhadap Polis", Mingguan Malaysia, 4 Julai 1997.

<sup>85</sup> Makmor bin Tumin (1994), *"Organisasi Bukan Kerajaan: Kajian Kes ABIM"*, Disertasi Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993/94, h. 23.

tempat perlindungan sementara untuk mangsa, kaunseling melalui telefon atau bersempua, program anak angkat dan lain-lain.

#### **5.4.2.1 Yayasan Murni**

Di Kelantan, tidak banyak badan bukan kerajaan yang boleh menjadi wadah membantu wanita teraniaya. Badan bukan kerajaan yang kini bergerak aktif ialah Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan<sup>86</sup>.

Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan atau lebih dikenali secara ringkasnya sebagai Yayasan Murni beroperasi dengan rasminya pada 22 Disember 2000. Yayasan ini diasaskan oleh Puan Hajjah Siti Aishah Abdul Rahman dan Puan Lin Zainun Che Mahmood. Yayasan ini menggabungkan wanita profesional Islam daripada pelbagai latar belakang sebagai penggerak dengan tujuan membangunkan golongan wanita di Kelantan<sup>87</sup>.

Yayasan ini menerima keahlian semua orang yang ingin menganggotainya dengan memberi tumpuan kepada golongan sasarnya. Golongan sasaran yang dimaksudkan terdiri daripada golongan wanita yang menghadapi masalah seperti mangsa perceraian, pergolakan rumah tangga, ibu tunggal, mangsa keganasan fizikal,

---

<sup>86</sup> Temubual dengan Puan Lin Zainun binti Che Mahmood, pengasas Yayasan Murni pada 11.30 pagi 26 Disember 2002.

<sup>87</sup> Profil Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan, h.2.

seks dan emosi, wanita bermasalah sosial, kemiskinan, bencana alam, mangsa diskriminasi gender dan anak-anak mereka<sup>88</sup>.

Yayasan ini menggariskan lima perkara sebagai fungsinya<sup>89</sup>, iaitu;

- i. Pusat Aduan (One Stop Crisis Centre)
- ii. Klinik khidmat nasihat, rundingcara, kaunseling dan guaman
- iii. Pusat pembangunan diri dan ekonomi
- iv. Pusat penyelidikan, pengumpulan dan penyebaran maklumat dan statistik golongan sasaran dan isu gender
- v. Pusat latihan dan bimbingan golongan sukarelawan, kaunselor dan aktivis yang berminat di dalam aktiviti NGO wanita.

Manakala dari segi objektif<sup>90</sup>nya, penubuhan yayasan ini adalah bertujuan untuk;

- i. Menggembeling usaha, tenaga dan idea golongan wanita professional dan yang berkemampuan untuk bergiat di dalam aktiviti pembangunan golongan wanita sasaran
- ii. Memberi kesedaran, memperbaiki serta mengubah persepsi dan sikap masyarakat agar lebih prihatin terhadap golongan sasaran

---

<sup>88</sup> ibid.

<sup>89</sup> ibid. h. 4.

<sup>90</sup> ibid.

- iii. Menjadi pusat bimbingan dan bantuan kepada golongan sasaran dan ahli keluarga mereka di dalam soal perundangan, ekonomi, emosi, kesihatan, agama dan lain-lain
- iv. Memberi bantuan intervensi segera kepada golongan sasaran di dalam menghadapi krisis akut melalui bantuan kewangan, perlindungan, kaunseling dan selainnya
- v. Membantu mengatasi kelemahan yang ada pada prosedur, peraturan, polisi dan undang-undang yang berkait rapat dengan kepentingan golongan sasaran
- vi. Menubuhkan pusat latihan atau institusi kemahiran bagi melatih golongan sasaran khususnya dalam usaha mendidik dan melahirkan wanita agar dapat berdikari, bermaklumat, celik huruf, mampu berkomunikasi dan berkeupayaan untuk bertindak menyelesaikan masyarakat
- vii. Menubuhkan kompleks aktiviti wanita Islam sebagai salah satu mercu tanda pengiktirafan terhadap golongan wanita khususnya di Kelantan.

Menjurus kepada peranan Yayasan Murni memberi bantuan dan perlindungan kepada mangsa penganiayaan, setelah aduan dibuat oleh mangsa, Yayasan ini akan membantu mendapatkan pemeriksaan hospital dan membuat laporan polis jika perlu. Biasanya pihak Yayasan akan memanggil suami terbabit untuk berbincang sambil memberi kaunseling. Jika perdamaian gagal dicapai, nasihat perundangan akan diberikan kepada mangsa. Dari segi kebajikan mangsa, Yayasan akan menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat jika mangsa memerlukan perlindungan sementara.

Selain daripada itu, mangsa akan diberi latihan kemahiran seperti kelas jahitan, masakan dan sebagainya bagi meneruskan kehidupan sebagai ibu tunggal. Anak-anak mereka turut diberi bantuan kelas komputer dan tuisyen<sup>91</sup>.

Segala usaha Yayasan ini adalah bermatlamat untuk melahirkan wanita murni dan dinamis serta mampu membina institusi keluarga yang mantap, bahagia dan harmonis<sup>92</sup>.

#### **5.4.2.2 Pertubuhan Pertolongan Wanita**

Pertubuhan Pertolongan Wanita atau lebih dikenali sebagai WAO(Women's Aid Organisation) ditubuhkan dengan rasminya pada Jun 1982 dengan wang derma daripada Mendiang Tun Tan Siew Sin sebanyak RM30 000. Falsafah yang dipegang oleh pertubuhan ini ialah tiada sesiapa patut dianiayai<sup>93</sup>. Ia merupakan sebuah pertubuhan bebas bukan agama yang dianggotai oleh petugas-petugas wanita secara sukarela dan bergaji<sup>94</sup>. Penubuhannya juga adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia<sup>95</sup>.

Pertubuhan ini merupakan satu-satunya badan bukan kerajaan yang mempunyai tempat perlindungan sementaranya sendiri. Sehinggakan, beberapa badan

---

<sup>91</sup> Temubual dengan Puan Lin Zainun binti Che Mahmood, pengasas Yayasan Murni pada 11.30 pagi 26 Disember 2002.

<sup>92</sup> ibid.

<sup>93</sup> Risalah WAO.

<sup>94</sup> Temubual dengan Rozana Abdullah, sukarelawan WAO pada 26 Julai 1999.

<sup>95</sup> Buku Information Malaysia 1998, h. 117.

bukan kerajaan lain turut merujuk kepada WAO jika memerlukan tempat perlindungan sementara.

Pertubuhan ini menyediakan tempat perlindungan kepada wanda dan anak-anak yang memerlukan, kaunseling secara bersemuka atau melalui telefon, program anak angkat untuk anak mangsa, termasuk pusat penjagaan kanak-kanak untuk anak-anak bekas penghuni yang ingin hidup berdikari<sup>96</sup>.

Selain daripada itu, wanita berkenaan juga diberi peluang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pasangan di mana mereka akan memberi khidmat nasihat dan bantuan bagi mendapatkan khidmat peguam<sup>97</sup>.

Pertubuhan ini amat menjaga kerahsiaannya. Contohnya seorang wanita yang menelefon untuk mendapatkan bantuan, tidak terus diberitahu lokasi tempat perlindungan sementara. Sebaliknya seorang ahli pertubuhan akan bertemu dengan wanita berkenaan di stu tempat lain yang dijanjikan dan setelah mendapati wanita berkenaan perlu mendapat tempat tinggal sementara, barulah dia akan dibawa ke sana. Prosedur ini dilakukan untuk menjamin keselamatan mangsa keganasan rumah tangga daripada kemungkinan terus diburu dan diganggu oleh suami atau bekas suami mereka<sup>98</sup>.

---

<sup>96</sup> Risalah WAO.

<sup>97</sup> Ibid.

<sup>98</sup> Temubual dengan Rozana Abdullah, sukarelawan WAO pada 26 Julai 1999.

Selain daripada itu, WAO juga mempunyai program pendidikan masyarakat sediri. Contohnya menyebarkan risalah berkenaan berita mangsa keganasan yang berada di rumah perlindungan sementara, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak serta keganasan rumah tangga. Ianya didapati mendapat tindakbalas yang memberangsangkan daripada pembaca. Walaupun demikian penyebaran risalah ini tidak meluas, hanya kepada ahli, sukarelawan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan di tempat-tempat sesi ceramah dan perbincangan yang diadakan<sup>99</sup>.

Mereka juga mengadakan ceramah dan perbincangan untuk masyarakat umum. Biasanya ia dibuat mengikut kumpulan sasaran tertentu seperti pelajar, polis, jururawat, ahli kelab-kelab perkhidmatan dan sebagainya<sup>100</sup>.

Selain daripada itu, WAO juga keluar ke tempat-tempat umum dengan cara bekerjasama dengan pihak-pihak lain dan mendedahkan perkara berkaitan keganasan rumah tangga kepada orang ramai di samping menambah tabungan pertubuhan. Misalnya, mengadakan kempen derma untuk tabung Ibu Dalam Kisis bersama Crabtree & Evelyn pada 15 Mei 1999 di Suria KLCC, Kuala Lumpur<sup>101</sup>.

---

<sup>99</sup> WAO Annual Review 1997, m.s. 35.

<sup>100</sup> Ibid., h. 36.

<sup>101</sup> Jelita, Ogos 1999.

#### **5.4.2.3 Pergerakan Bantuan Wanita**

Pergerakan Bantuan Wanita atau *All Women Aid Movement* (AWAM) pula didaftarkan pada 1988, enam tahun selepas WAO ditubuhkan. Sama seperti WAO, semua keahliannya juga adalah wanita dengan had umur minima 18 tahun. Namun, ia lebih longgar berbanding WAO dari segi keahlian kerana ia terbuka kepada umum sebagai ahli dan “ahli bersekutu” bagi mereka dari luar daripada Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Selain daripada itu, “orang luar” juga boleh dan dialu-alukan untuk menyumbangkan bantuan dalam bentuk penulisan, penyuntingan, kerja-kerja penerbitan, pengurusan perpustakaan, penyelidikan dan dokumentasi, bantuan krisis melalui telefon, kaunseling, bantuan guaman dan pengurusan pejabat<sup>102</sup>.

#### **5.4.2.4 Pertubuhan Tindakan Wanita Islam**

Sementara, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) adalah ilham Kementerian Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat. Ia ditubuhkan pada April 1995 dan menyediakan perkhidmatan telefon tol percuma untuk aduan kes keganasan rumah tangga.

---

<sup>102</sup> Risalah AWAM.

Antara matlamat pertubuhan ini ialah mendengar aduan dan masalah wanita Islam secara bersemuka atau melalui telefon. Selain daripada itu, sama seperti WAO dan AWAM, PERTIWI juga menyediakan khidmat kaunseling, khidmat nasihat guman dan ceramah pembangunan diri untuk wanita bermasalah.

Ciri istimewa pertubuhan ini ialah, keutamaan diberi kepada wanita Islam dan semua petugasnya adalah wanita Islam. Antara kes-kes yang pernah dikendalikan melibatkan permasalahan perceraian, tuntutan nafkah, gantung tidak bertali, penyalahgunaan dadah, pelajaran dan penderaan.

Walaupun nampaknya semua pertubuhan sukarela ini mengutamakan wanita, namun mereka tidak menolak jika ada kes-kes lelaki yang datang untuk mendapatkan bantuan. Maklumat yang didapati daripada sumber WAO mengesahkan pernah menerima lelaki sebagai klien terutamanya untuk sesi kaunseling<sup>103</sup>.

Badan-badan ini juga terlibat dalam mendidik masyarakat memahami dan menyedari hak mereka. Mereka selalu keluar menemui masyarakat serta membuat banyak pendedahan diri kepada masyarakat. Contohnya PERTIWI yang aktif memberi ceramah khusus kepada wanita bermasalah sebagai motivasi dan pembangunan diri sendiri dan AWAM yang memberi banyak kerjasama mengadakan forum dan seminar berkenaan permasalahan ini.

---

<sup>103</sup> Temubual melalui telefon dengan Rozana Abdullah, sukarelawan WAO pada 26 Julai 1999.

Mereka bukan sahaja membantu mangsa secara langsung malah terlibat dengan aktif mendesak digubal akta khusus berkenaan keganasan rumahtangga. Ini dapat dilihat dengan penubuhan beberapa pertubuhan yang mengambil berat kes-kes keganasan rumahtangga seperti WAO, AWAM dan beberapa pusat krisis wanita adalah sekitar 1980an di mana pertubuhan-pertubuhan wanita giat mendesak untuk mendapatkan mendapatkan satu bentuk perlindungan undang-undang yang khusus.

Perbincangan agar diwujudkan undang-undang khusus untuk keganasan rumahtangga bermula pada sekitar 1985 dan semakin aktif serta mendapat perhatian umum pada 1989<sup>104</sup>. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini paling menonjol terutamanya ketika memperjuangkan hak wanita terdera untuk mendapatkan peruntukan undang-undang hingga berjaya mendesak pihak pentadbiran kepada tergubalnya Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Namun ia tidak terus dikuatkuasakan dan mendapat desakan kuat daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan hingga ia akhirnya dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996.

---

<sup>104</sup> Azalina Othman Said (1998), "Wanita dan Keganasan Rumahtangga" dalam *Seminar Wanita dan Perundangan Syarie*. Kuala Lumpur, 26 Julai 1998.

#### **5.4.2.5 Sisters In Islam**

Sisters In Islam (SIS) merupakan sebuah kumpulan profesional wanita yang menggabungkan pelbagai kepakaran dan bidang tertentu dalam Islam, akidah, akhlak, undang-undang termasuk undang-undang syariah, pengajian gender, sosiologi, kewartawanan, perancangan sosial, kesihatan wanita serta kesenian Islam<sup>105</sup>.

Misi SIS pada dasarnya adalah lebih kepada mengenangkan Islam yang mengiktiraf persamaan hak lelaki dan wanita serta mendokong prinsip demokrasi dan keadilan. Namun, SIS mempunyai cara pendekatan tersendiri berkenaan permasalahan keganasan rumahtangga.

Tidak ada program secara langsung dan khusus untuk mangsa penganiayaan seperti yang dibuat oleh WAO, AWAM dan PERTIWI, namun SIS membuat penyelidikan mengenai keganasan rumahtangga dan menyediakan tempat perlindungan sementara yang selamat serta khidmat nasihat untuk mangsa.

Objektif SIS secara keseluruhan (termasuk di dalamnya keprihatinan terhadap penganiayaan isteri) membangun dan mengangkat satu rangka kerja berkenaan hak wanita dengan mengambil kira pengalaman dan realiti wanita. Pertubuhan ini juga berhasrat menghapuskan ketidakadilan dan diskriminasi terhadap wanita dan mengubah nilai dan amalan masyarakat yang menganggap kedudukan wanita lebih

---

<sup>105</sup> Maklumat melalui surat daripada Sisters In Islam bertarikh 25 Mei 1999.

rendah daripada lelaki. Seterusnya membentuk kesedaran umum, menyusun semula undang-undang dan polisi berkenaan persamaan, keadilan dan demokrasi dalam Islam<sup>106</sup>.

Untuk tujuan itu SIS banyak menerbitkan bahan bacaan berbentuk buku dan risalah<sup>107</sup>, selain aktif menyuarakan idea dan respon terhadap isu-isu semasa berkaitan wanita dan Islam di dalam media massa. Antaranya mengenangkan kepada masyarakat melalui penulisan yang ada kaitan dengan keganasan rumahtangga. Misalnya surat kepada editor yang disiarkan dalam akhbar The Star pada 18 Mac 1996 bertajuk *Domestic Violence is a Criminal Act*.

## Kesimpulan

Penganiayaan isteri sememangnya memerlukan penyelesaian melalui undang-undang. Ini memandangkan undang-undang boleh menghukum pembuat kesalahan seperti hukuman penjara dan sebat, dan melindungi mangsa menggunakan perintah injunksi. Secara khusus, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 telah digubal untuk melindungi isteri-isteri teraniaya, anak-anak yang didera dan ahli keluarga lain yang terlibat.

---

<sup>106</sup> Ibid.

<sup>107</sup> Contohnya buku bertajuk: Adakah Wanita dan Lelaki Saksama di sisi Allah dan Adakah Lelaki Islam dibenarkan Memukul Isterinya? Yang diterbitkan pada 1991.